

526:  
MAHATHIR

1975

TANJUNG KARANG, 26 JUN (BERNAMA) -- IBUBAPA DINASIHATKAN SUPAYA SERING BERBINCANG DENGAN ANAK-ANAK BAGAIMANA PELAJARAN YANG DIPEROLEHI MEMBOLIHKAN MEREKA MENJADI PENIAGA, PENTERNAK DAN PETANI YANG BERJAYA DAN BUKAN UNTUK MAKAN GAJI SEMATA-MATA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, PERBINCANGAN SAPERTI ITU BUKAN SAJA DAPAT MENGUJUDKAN SUASANA MESRA TETAPI IBUBAPA DAPAT MEMBENTUK SEMANGAT BERDIKARI DIKALANGAN ANAK-ANAK MEREKA.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BURONG DISINI, DR. MAHATHIR BERKATA, DALAM ZAMAN YANG MENCABAR INI IBUBAPA MESTILAH MENUKARKAN FAHAMAN TERHADAP PELAJARAN.

PELAJARAN BUKAN SEMATA-MATA BERARTI ANAK-ANAK MESTI LULUS PEPERIKSAAN. +KITA JANGAN HANYA MENGGALAKKAN ANAK-ANAK MENUNTUT ILMU SEMATA-MATA UNTUK LULUS DAN MAKAN GAJI.+

APA YANG PERLU DITANAMKAN SEKARANG IALAH BAGAIMANA PELAJARAN ITU DAPAT DIPERGUNAKAN SEPENUHNYA APABILA ANAK-ANAK ITU DEWASA KELAK. -- BERSAMBUNG 125/SZ

530  
MAHATHIR --2 TANJUNG KARANG

BERCAKAP TENTANG PERSATUAN IBUBAPA-GURU, DR. MAHATHIR GEMBIRA KERANA PERSATUAN ITU MEMBERI KESAN YANG BAIK DALAM USAHA MEMBIMBING MURID-MURID.

INI IALAH KERANA MENERUSI PERSATUAN ITU, IBUBAPA DAPAT MENGENALI DAN MEMAHAMI KERUMITAN-KERUMITAN PARA GURU, DAN BAGITU JUGA SEBALIKNYA.

DENGAN SUASANA YANG DEMIKIAN DAPATLAH IBUBAPA DAN PARA GURU BEKERJASAMA MEMBIMBING MURID-MURID KEARAH YANG LEBIH BERKESAN DALAM MENUNTUT ILMU PENGETAHUAN. -- BERNAMA 1225/YF